



**RAZIB AMAN (dua dari kanan) menyampaikan barangan dan bekalan makanan untuk mangsa banjir kepada Daing Nasir Ibrahim (kanan) di pusat pengumpulan bantuan banjir UMP kampus Gambang di Kuantan, semalam.**

um(Pantimur) MS:27 7/1/2015 (Rabu)

## Banjir: UMP terima sumbangan syarikat swasta

**KUANTAN 6 Jan.** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sumbangan kira-kira satu tan makanan dan keperluan harian yang disumbangkan oleh Perusahaan Makanan Meru dari Selangor untuk diagihkan kepada mangsa banjir.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima sumbangan berkenaan daripada Pengarah Urusan Perusahaan Makanan Meru, Razib Aman di pusat pengumpulan bantuan banjir universiti itu di Gambang, di sini baru-baru ini.

Daing Nasir berkata, universiti itu mengalu-alukan sebarang

sumbangan dan menghargai keprihatinan pengurusan Perusahaan Makanan Meru serta individu lain yang memberi bantuan untuk disalurkan kepada mangsa banjir.

"Bantuan ini akan diagihkan kepada mangsa banjir di sekitar Pahang. UMP mempunyai dua bilik kawalan operasi dan bencana iaitu di Gambang dan Pekan yang menyelaras sukarelawan serta pengagihan sumbangan," katanya.

Sementara itu, Razib berkata, pihaknya berasa terpanggil untuk mengemukakan sumbangan apabila melihat kesusahan yang dialami

oleh mangsa banjir terutamanya di Pantai Timur.

Menurut beliau, walaupun mengambil masa lebih 12 jam perjalanan dari Selangor ke Pahang ekoran terkandas dengan banjir di Lebuhraya Pantai Timur (LPT), ia tidak mematahkan semangat mereka untuk menghantar bekalan itu menerusi UMP.

"Kami mengambil keputusan untuk menyalurkan sumbangan ke UMP untuk diagihkan kepada yang berhak. Dengan bantuan ini diharapkan dapat meringankan dan membantu mereka yang ditimpa musibah," katanya.